

2018

LAPORAN PROJECT LESSON LEARNT
BAGI PROJEK KLINIK KESIHATAN (JENIS 5)
SRI JAYA, MARAN



BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK 3,
CAWANGAN KERJA KESIHATAN
16-Nov-18

**LAPORAN *PROJECT LESSON LEARNT* BAGI PROJEK
KLINIK KESIHATAN (JENIS 5) SRI JAYA, MARAN, PAHANG**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan ini bertujuan untuk memaklumkan nilai merit yang baik yang boleh dicontohi serta kekurangan yang boleh diambil iktibar seterusnya diperbaiki untuk projek-projek yang bakal dilaksanakan oleh JKR melalui sesi bengkel yang telah dilaksanakan pada 27 dan 28 Ogos 2018 bagi Projek Klinik Kesihatan (Jenis 5) Sri Jaya , Maran yang telah dihadiri oleh pihak HOPT 3 (CKK) dan pasukan projek tapak tersebut. Selain itu juga, laporan ini juga mencadangkan beberapa penambahbaikan yang perlu diambil kira bagi projek-projek seumpamanya di masa akan datang.

1. PENGENALAN

Klinik Kesihatan (Jenis 5) Sri Jaya , Maran merupakan sebuah projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) di atas tanah seluas 4.92 hektar , Mukim Luit, Maran, Pahang. Mengikut perancangan, rekabentuk KK5 Kuala Balah, Jeli, Kelantan telah dipilih sebagai rekabentuk untuk KK5 Sri Jaya, Maran dengan beberapa penambahbaikan.

Projek ini telah dilaksanakan oleh Syarikat Binaan Jaya Sepakat (M) Sdn Bhd yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui kaedah perolehan secara tender terbuka dengan kos kontrak asal berjumlah RM 10,737,777.00.

1.1 RINGKASAN MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	CADANGAN KLINIK KESIHATAN JENIS 5 (KK5) SRI JAYA , MARAN, PAHANG.
MAKLUMAT KEWANGAN	
KOS KONTRAK ASAL	RM 10,737,777.00
TEMPOH	
TARIKH MILIK TAPAK	02-02-2015
TARIKH SIAP ASAL	01-08-2016
TARIKH SIAP SEMASA (IKUT KONTRAK)	17-04-2017
TARIKH SIAP SEBENAR (CPC)	18-12-2017
EOT 1	sehingga 14-03-2017(99hari)
EOT 2	sehingga 17-04-2017(34hari)
LAD	245 hari (RM 475,699.35)
MAKLUMAT PELANGGAN / PEJABAT BERTANGGUNGJAWAB	
AGENSI PEMILIK	Kementerian Kesihatan Malaysia
AGENSI PELAKSANA	Jabatan Kerja Raya (Cawangan Kerja Kesihatan)
NAMA KONTRAKTOR	Syarikat Binaan Jaya Sepakat (M) Sdn Bhd

KAEDAH PELAKSANAAN	Konvensional (Dalam)
JENIS PEROLEHAN	Tender Terbuka
SKOP KERJA	1. Blok Bangunan Utama 2. Bangunan Sokongan: • Rumah Pam 1 & 2 • Rumah Sampah • Pondok Pengawal • Garaj Ambulan 3. Kerja-Kerja Sekitar Bangunan

1.2 LOKASI TAPAK KLINIK KESIHATAN (JENIS 5) SRI JAYA, MARAN, PAHANG



1.3 PELAN TAPAK KLINIK KESIHATAN (JENIS 5) SRI JAYA, MARAN, PAHANG



1.4 GAMBAR PROJEK DALAM PEMBINAAN





1.4 PASUKAN KERJA YANG TERLIBAT BAGI PROJEK INI

- i. HOPT : BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK 3, CKK
- ii. HODT ARKITEK : UNIT REKABENTUK FASILITI KESIHATAN 1, CA
- iii. HODT STRUKTUR : UNIT KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR (BAHAGIAN KESIHATAN), CKAS
- iv. HODT SIVIL : UNIT KEJURUTERAAN AWAM (BAHAGIAN KESIHATAN), CKAS
- v. HODT ELEKTRIK : UNIT PERUNDING REKABENTUK KESIHATAN, CKE
- vi. HODT MEKANIKAL : UNIT REKABENTUK KESIHATAN, CKM
- vii. HODT UKUR BAHAN: UNIT PERUNDING REKABENTUK KESIHATAN, CKUB
- viii. HODT GEOTEKNIK : UNIT PERUNDING REKABENTUK KESIHATAN, CKG
- ix. HODT ALAM SEKITAR : UNIT PERUNDING REKABENTUK KESIHATAN, CASKT
- x. PEGAWAI PENGUASA : JKR MARAN
- xi. KLIEN : KKM (BHG.PEMBANGUNAN & PERANCANGAN)
- xii. END-USER : JKN PAHANG

2. SESI PENGUMPULAN PEMBELAJARAN PROJEK

2.1 BENGKEL

TAJUK : BENGKEL PROJECT LESSONS LEARNT

TARIKH: 27 & 28 OGOS 2018 (ISNIN DAN SELASA)

TEMPAT: TINGKAT 18, BILIK HIBISCUS, MENARA PJD

PESERTA: PASUKAN PROJEK KLINIK KESIHATAN (JENIS 5) SRI JAYA, MARAN, PAHANG

2.2 METADOLOGI / KAEDAH

Para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan perlu membincangkan perkara-perkara yang telah memberi impak yang baik kepada projek iaitu *Issues having positive impact on project* dan isu yang memberi impak negative kepada projek (*Issues having negative impact on project*) dan dizahirkan melalui peta minda. Isu-isu tersebut kemudian dibentangkan kepada semua peserta bengkel untuk mendapat maklumbalas/pertanyaan serta dibahaskan dan diambil iktibar sebelum didokumenkan sebagai satu laporan.

3. LESSONS LEARNT

Berdasarkan sesi perbincangan oleh peserta dan paparan melalui kertas putih saiz A0 yang telah mendapat maklumbalas daripada semua peserta termasuk fasilitator, berikut adalah kesimpulan yang diperolehi hasil daripada perbincangan tersebut:-

3.1 What went well

PERINGKAT PERANCANGAN DAN REKABENTUK

- i. Peruntukan mencukupi bagi skop yang telah dipersetujui
- ii. Koordinasi antara stakeholder yang baik
- iii. status tanah tiada halangan
- iv. Menggunakan prosedur Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) JKR sepenuhnya

PERINGKAT PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN (PEMBINAAN)

- v. Komunikasi di peringkat pengurusan atasan – Baik
- vi. Peruntukan yang disediakan mencukupi.
- vii. Isu-isu tapak dapat diselesaikan dengan segera dengan bantuan semua peringkat – HODT, HOPT dan SO.

3.2 What Could Have Been Done Better?

PERINGKAT PERANCANGAN DAN REKABENTUK

- i. Medical Brief of Requirement (MBOR) dan Borang Permulaan Pelaksanaan Projek (BPPP) perlu dikemukakan bersama pada permulaan pelaksanaan projek
- ii. Kaedah pelaksanaan rekabentuk struktur (IBS/bukan IBS) perlu dinyatakan di dalam BPPP
- iii. Jenis pelan piawai KK5 yang dirujuk perlu dinyatakan dalam BPPP

PERINGKAT PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN (PEMBINAAN)

- i. Melaksanakan mesyuarat koordinasi diperingkat perancangan agar tidak berlaku percanggahan lukisan pembinaan. (Isu Tangki Air Domestik – 'CLASH' antara tangki air dengan kekuda bumbung)
- ii. Menyediakan lukisan terperinci bagi kegunaan di tapak. (Lukisan terperinci Trenches - Tiada Lukisan Terperinci bagi Trenches di bilik suis.)
- iii. Mengenalpasti dan mengemaskini BQ.(Kelewatan Pihak NSC M&E – Lantikan NSC lewat dilakukan disebabkan perbezaan harga yang lebih tinggi berbanding As Tendered Detail Abstract (ATDA) dengan anggaran sebenar.)
- iv. Kerja-kerja pembinaan bangunan sokongan dan penanaman rumput perlu diletak dibawah skop kerja kontraktor utama bagi mengelakkan penambahan kos WPS (WPS -item Bangunan Sokongan (D3) melebihi peruntukan.)

3.3 Lesson Learnt

PERINGKAT PERANCANGAN DAN REKABENTUK

- i. Medical Brief of Requirement (MBOR) dan Borang Permulaan Pelaksanaan Projek (BPPP) perlu dikemukakan bersama pada permulaan pelaksanaan projek – MBOR tidak disertakan bersekali dengan BPPP
- ii. Kaedah pelaksanaan rekabentuk struktur (IBS/bukan IBS) perlu dinyatakan di dalam BPPP – Pelaksanaan rekabentuk struktur tidak dinyatakan dalam BPPP
- iii. Jenis pelan piawai KK5 yang dirujuk perlu dinyatakan dalam BPPP – Jenis pelan piawai yang dinyatakan dalam BPPP tidak spesifik.

PERINGKAT PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN (PEMBINAAN)

- i. Melaksanakan mesyuarat koordinasi diperingkat perancangan agar tidak berlaku percanggahan lukisan pembinaan.
- ii. Menyediakan lukisan terperinci bagi kegunaan di tapak.
- iii. Mengenalpasti dan mengemaskini BQ.
- iv. Kerja-kerja pembinaan bangunan sokongan dan penanaman rumput perlu di diletak dibawah skop kerja kontraktor utama bagi mengelakkan penambahan kos WP

4.0 PENUTUP & KESIMPULAN

Berdasarkan kepada bengkel Lesson Learnt yang dilaksanakan selama 2 hari di Menara PJD, terdapat banyak perkara yang boleh dijadikan sebagai iktibar untuk dielakkan agar dapat mengelakkan sebarang kelewatan/masalah dan contoh yang baik yang boleh diterapkan pada projek JKR akan datang.

Sekian, terima kasih.

Suntingan oleh:


NUR ATIQA BINTI IDRIS
Penolong Jurutera (Awam)
Cawangan Kerja Kesihatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Kuala Lumpur

Disemak bersama oleh:


WONG CHIEN CHAN
Jurutera Awam (J44)
Bahagian Pengurusan Projek 3
Cawangan Kerja Kesihatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia


Ir. MUHAMAD HAMBALI BIN AB GHAN
Jurutera Awam Kanan
Bahagian Pengurusan Projek 3
Cawangan Kerja Kesihatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia

Diluluskan oleh:


Ar. HASNAH BINTI YUN
Arkitek Penguasa Kanan
Bahagian Pengurusan Projek 3
Cawangan Kerja Kesihatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Kuala Lumpur